

20 MAR 1999

Tambak

JAMBATAN BARU: PROJEK AKAN BERMULA SETELAH ISU TEKNIKAL SELESAI

JOHOR BAHRU, 20 Mac (Bernama) -- Pembinaan jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor akan dapat dilaksanakan mengikut perancangannya, setelah beberapa masalah teknikal dapat diselesai lebih awal.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Datuk Zainalabidin Mohamed Zin berkata, masalah teknikal yang dimaksudkan ialah kajian mengenai Kesan Alam Sekitar (EIA) dan tebus guna tanah yang akan melibatkan keputusan kerajaan negeri dan pihak-pihak tertentu.

"Sekiranya masalah-masalah ini dapat diselesailan lebih awal, saya yakin projek ini boleh dimulakan beberapa segera," katanya kepada Bernama ketika ditemui di pejabatnya di sini, hari ini.

Menurut beliau, selain itu terdapat juga beberapa rundingan di peringkat kerajaan negeri dan kerajaan Singapura yang perlu diadakan dengan Jawatankuasa yang terlibat, sebelum projek berkenaan dapat dilaksanakan.

Mengikut perancangan, projek yang dianggarkan bernilai RM3.5 bilion itu akan mengandungi jambatan sepanjang 1km (melibatkan kos sebanyak RM1.5 billion), kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), pusat komersil dan penginapan itu akan dimulakan Januari 2000 dan dijangka siap tiga tahun kemudiannya, katanya.

Keseluruhan tanah yang terlibat dengan projek tersebut ialah seluas 102.92 hektar manakala tanah tebus guna yang terlibat ialah seluas 170.12 hektar yang terletak bersebelahan dengan Kompleks Tanjung Puteri.

Konsortium Gerbang Perdana Sdn Bhd, syarikat milik penuh Bumiputera dilantik oleh kerajaan Pusat untuk melaksanakan projek pembangunan jambatan baru itu dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Detik Nagasari Sdn Bhd milik Transwater Corp Bhd memegang 20 peratus kepentingan dalam konsortium itu. Dua anggota lain konsortium itu Diversified Resources Bhd (DRB) yang juga memegang 20 peratus kepentingan, sementara Merong Mahawangsa Sdn Bhd, milik IBEX Corp Amalgamated Sdn Bhd, memegang 60 peratus.

Menurut Zainalabidin, apabila siapnya pembinaan jambatan baru dan projek infrastruktur di sekitarnya, Johor dan rakyatnya akan menikmati banyak faedah termasuk dari segi keindahan bandaraya ini.

"Di samping itu, pengaliran air di bawah jambatan baru itu juga dapat mengurangkan masalah pencemaran akibat daripada air yang tersekat dan pihak berkuasa seperti kastam dan polis marin juga boleh melakukan rondaan keselamatan," katanya.

Masalah kesesakkan di bandaraya ini juga dapat diatasi dengan adanya laluan yang lebih banyak di tambak dan juga pembinaan Lebuh raya Lingkaran Tengah yang akan menghubungkan terus bandaraya ini dengan bandar-bandar lain di Johor, katanya.

Pembinaan kompleks CIQ yang serba moden juga dijangka akan merubah wajah bandaraya ini kepada sebuah bandaraya yang lebih indah dengan tujuan memberi keselesaan kepada para pengunjung, katanya

Cadangan untuk menggantikan Tambak Johor dengan sebuah jambatan telah diutarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed ketika mengadakan lawatan rasmi ke negeri ini pada 5 Jun 1996.

Tambak Johor sepanjang 1.2 km yang dibina pada tahun 1923, merupakan antara dua laluan, selain Laluan Kedua di Tanjung Kupang yang menghubungkan Malaysia-Singapura.

-- BERNAMA

RAM WAT

